

03 SEP 1998

Anwar-Kediaman

KEDIAMAN BEKAS TPM MASIH DIKAWAL, JALAN MASUK DITUTUP

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Kediaman bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Jalan Sri Perdana di sini masih dikawal anggota polis pagi ini manakala semua jalan menuju ke kediaman beliau turut ditutup.

Suasana pada pagi ini agak tenang manakala para pelawat serta para penyokong Anwar dibenarkan masuk selepas diperiksa rapi.

Antara mereka yang melawat ialah Yang Dipertua Pas Datuk Fadzil Noor yang tiba pada pukul 11.15 pagi dan tidak keluar sehingga pukul 1 tengah hari.

Sebelum itu, Manjeet Singh Dhillon, yang merupakan peguam kepada Pengarah Hal-Ehwal Awam Magnum Datuk S. Nallakaruppan, juga tiba bersama seorang pembantu pada pukul 10.20 pagi dan meninggalkan tempat itu sejam kemudian.

Manjeet berkata beliau telah berjumpa dengan Anwar dan membincangkan kes Nalla yang menghadapi tuduhan memiliki secara haram 125 butir peluru senjata api jenis Fiocchi 6.35 mm.

Polis menjumpai peluru itu di rumah Nalla semasa menjalankan siasatan berhubung buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM".

Pada pukul 11.50 pagi, sebuah jip pacuan empat roda yang sarat dengan beg dan kotak kelihatan meninggalkan rumah itu yang terletak tidak jauh dari Sri Perdana, kediaman rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika ditanya pemandunya berkata: "Datuk Seri (Anwar) masih ada di dalam tapi kita kena tinggalkan rumah ini sebab ia bukan rumah Datuk Seri. Kita akan pindah ke Bukit Damansara."

Bagaimanapun, belum diketahui bila Anwar akan mengosongkan rumah itu sepenuhnya.

Sementara itu, Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Kamarudin Md Ali berkata keadaan adalah terkawal dan anggota polis ditempatkan di situ bagi memastikan lalu lintas berjalan lancar.

Semalam, beratus-ratus orang yang terdiri daripada para penyokong Anwar berkumpul di luar kediaman beliau manakala kenderaan diletakkan sepanjang kira-kira satu kilometer dari jalan masuk menuju ke kediaman itu.

Penutupan jalan masuk ke Sri Perdana itu mengakibatkan kesesakan lalu lintas yang teruk bermula dari Jalan Lapangan Terbang Lama Sungai Besi menghala ke Lebuhraya Mahameru.

Sementara itu, Ketua Polis Trafik Kuala Lumpur Supt Mohd Zain Ismail berkata kenderaan yang menuju ke Kuala Lumpur dinasihatkan melalui Jalan Bangsar, Jalan Johar, Jalan Damansara dan Jalan Duta sebelum masuk ke Persimpangan Jalan Duta.

Beliau berkata mereka yang tinggal di Jalan Sri Perdana pula dinasihatkan supaya melalui Jalan Damansara-Jelutong.

Polis meminta orang ramai supaya bersabar dan sentiasa mematuhi undang-undang jalan raya, katanya.

-- BERNAMA

HJ ZAI KHY